UUM Universiti Utara Malaysia

NEWS HIGHLIGHTS

☐ Straits Times ☑ Utusan Malaysia ☐ Kosmo! ☐ BH
☐ Sinar ☐ Star ☐ Metro

Date: 19/8/2026 Page: 19

UUM/AA88/UM/19.08.2026/P:19(1-5)

Aplikasi Islamik hasil R&D untuk Pusat Islam UUM

Oleh NOR AZLINAH ZAINI

PUSAT Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini diberi kepercayaan sebagai penerima rasmi tiga aplikasi Islamik yang dipatenkan, hasil penyelidikan sekumpulan penyelidik UUM dalam usaha memperkasakan pendigitalan pendidikan dan dakwah berteraskan teknologi.

Majlis penyerahan aplikasi Islamik itu menyaksikan Pengarah Pusat Islam UUM, Mohd Yusnaidi Md. Sabri, menerima tiga aplikasi berasaskan kandungan ilmu Islam yang dibangunkan melalui adaptasi karya terbitan MADAD iaitu e-Musafir Go, Ladys Fiqh dan Hawa.



MOHD. Yusnaidi Md. Sabri, menerima tiga aplikasi berasaskan kandungan ilmu Islam yang dibangunkan melalui adaptasi karya terbitan MADAD, iaitu e-Musafir Go, Ladys Fiqh dan Hawa.

Aplikasi e-Musafir Go merupakan adaptasi digital daripada buku Easy Musafir yang memudahkan pengguna memahami hukum-hakam ibadah ketika bermusafir secara lebih interaktif dan praktikal, Ladys Fiqh pula dihasilkan daripada buku Fiqh Wanita: Edisi Haid, Mitos & Suci, manakala Hawa merupakan adaptasi digital kepada Modul Klinik Solat Edisi Wanita yang memberi fokus kepada pemantapan ibadah dan kefahaman fiqh khusus buat Muslimah.

Projek penyelidikan tersebut diketuai oleh Noraziah Che Pa daripada Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) dengan kerjasama Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan, Prof. Madya Dr. Ani Munirah Mohamad, Prof. Ts. Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam, Prof. Madya Dr. Syamsul Bahrin Zaibon (SCIMPA), Nur Azzah Abu Bakar (SOC) serta Laura Lim Sie Yi.

Mohd Yusnaidi berkata, aplikasi itu mencerminkan keyakinan warga akademik terhadap peranan Pusat Islam UUM sebagai peneraju penyampaian ilmu yang responsif terhadap perkembangan teknologi.